

<a href="https://doi.org/10.24035/ijit.27.2025.328">https://doi.org/10.24035/ijit.27.2025.328</a>			
Received:	17 July 2024	Accepted:	12 February 2025
Revised:	30 October 2024	Published:	15 June 2025
Volume:	27 (June)	Pages:	180-192
<b>To cite:</b> Yusri Mohamad Ramli. 2025. Abdullah Hashem, Ahmadi –Agama Keamanan dan Cahaya, dan al-Qa'im. <i>International Journal of Islamic Thought</i> . Vol. 27 (June): 180-192.			

## **Abdullah Hashem, Ahmadi –Agama Keamanan dan Cahaya, dan al-Qa'im**

### ***Abdullah Hashem, the Ahmadi Religion of Peace and Light, and al-Qa'im***

YUSRI MOHAMAD RAMLI<sup>1</sup>

#### ABSTRACT

*The Ahmadi Religion of Peace and Light is a very fast-growing and global religious cult. The leader of this movement is an Egyptian American Abdullah Hashem who centers his doctrines on the Shi'ite's teaching of the messianic notion of al-Qa'im or the Riser who appears before the coming of al-Mahdi. With the rapid growth and numerous incidents around the world involving this emerging cult, a study is needed to understand the background of its founder, Abdullah Hashem, the formation of the Ahmadi Religion of Peace and Light, and its central doctrine of al-Qa'im.*

**Keywords:** *Abdullah Hashem, Ahmad al-Hasan, deviant, religious cult, the Ahmadi Religion of Peace and Light, the Goal of the Wise.*

Abdullah bin Karam bin Soliman bin Hashem ialah seorang warga negara Amerika Syarikat. Ayahnya Karam Hashem berasal dari Mesir dan berhijrah ke Amerika Syarikat hingga kemudiannya berkahwin dengan Lisa Kay Coleman. Isterinya itu yang juga dikenali dengan Lisa Kay Hashem berasal dari Indiana dan adalah ibu kepada Abdullah Hashem. Abdullah Hashem lahir pada Julai 1983 dan membesar di Brooklyn, New York. Beliau bersama keluarganya kemudiannya berhijrah ke Mesir pada awal 90-an hingga kemudiannya pada penghujung 90-an kembali semula ke Amerika Syarikat dan menetap di Indiana. Abdullah Hashem seterusnya melanjutkan pendidikan menengah tinggi di Mooresville High School, Mooresville, Indiana sehingga tamat pengajian pada tahun 2001. Beliau kemudiannya menyambung pengajian tinggi peringkat ijazah Sarjana Muda di Indiana University–Purdue University Indianapolis (IUPUI) di Indianapolis dalam bidang Pengajian Agama antara tahun 2001 dan 2006. Di samping mendalami ilmu-ilmu perbandingan agama, beliau turut memberi tumpuan untuk meneliti tentang ajaran-ajaran sesat, *alien/extraterrestrial*, UFO/UAP, jin, paranormal, magik, teori konspirasi, serta mengenai Imam Mahdi dan Akhir Zaman (Shah 2008; Abdullah Hashem 2018).

Di samping menekuni pengajiannya, beliau turut mempunyai minat yang mendalam dalam bidang penyiaran, produksi filem, pengarahannya, penerbitan, komedi stand up, dan seni persembahan. Semasa menuntut di IUPUI, beliau telah menubuhkan sebuah syarikat produksinya sendiri bernama Hashemfilms yang memfokuskan kepada penghasilan dokumentari berkaitan agama. Pada tahun 2004 beliau telah menghasilkan sebuah filem indie berjudul *Apache Tears*.

<sup>1</sup> **Yusri Mohamad Ramli** Ph. D., senior lecturer at Research Centre for Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA. Email: yusri\_mr@ukm.edu.my [ORCID iD: 0000-0001-8401-7966].

Kerana minatnya yang mendalam mengenai ajaran sesat dan membongkarnya kumpulan-kumpulan ajaran sesat, beliau bersama rakan baiknya Joseph McGowen pernah didakwa di mahkamah atas tuduhan merosakkan reputasi sebuah organisasi agama berkaitan UFO iaitu International Raëlian Movement melalui penghasilan dokumentari mengenai organisasi tersebut pada tahun 2005 yang didakwa dilakukan secara salah (Culp 2005; International Raelian Movement v. Hashem 2011). Pada tahun 2007, beliau turut menghasilkan siri dokumentari berjudul *Antichrist Dajjal Series* yang memfokuskan Dajjal dan Akhir Zaman (Abdullah Hashem 2007). Beliau juga menerbitkan dokumentari mengenai Akhir Zaman berjudul *The Arrivals* pada tahun 2008 yang turut memfokuskan tentang kedatangan Dajjal, Imam Mahdi dan Nabi Isa AS (Noreagaaa & Achernahr 2008; IMDB 2008).

### **Ahmad al-Hasan dan Ansar al-Mahdi**

*The Ahmadi Religion of Peace and Light* diasaskan berpaksi kepada ajaran daripada kumpulan keagamaan yang wujud sebelumnya iaitu Ansar al-Imam al-Mahdi atau Ansar al-Mahdi. Ansar al-Mahdi diasaskan oleh Ahmad bin Ismail bin Salih bin Salman Al Salamy yang menggelarkan dirinya sebagai Ahmad al-Hasan al-Yamani sebagai merujuk kepada konsep al-Yamani yang merupakan pembantu kepada Imam Mahdi (Ahmed Alhasan n.d.; Ahmed Alhasan English n.d.; Savior TV n.d.; Sahifah al-Sirat al-Mustaqim n.d.).

Ahmad bin Ismail lahir pada 21 Mac 1968 di daerah Al Midaynah, Basrah, Iraq. Beliau memperoleh pendidikan tinggi peringkat Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Awam daripada Universiti Basrah pada awal 90-an. Setelah tamat belajar, beliau kemudiannya mendalami ilmu agama di Najaf dengan Muhammad al-Sadr iaitu ayah kepada Muqtada al-Sadr pemimpin Gerakan al-Sadr dan beliau seterusnya menetap di kota tersebut (Pargoo 2019).

Penyebaran ajaran Ahmad bin Ismail bermula sejak tahun 1993. Ini adalah rentetan daripada dakwaan beliau bahawa Nabi Muhammad telah mewasiatkan kepadanya terdapat 12 Imam-Imam Mahdi dan 12 Imam Mahdi merupakan penolong-penolong kepada Imam Mahdi yang utama dan terakhir. 12 orang Mahdi atau penolong Imam Mahdi ini didakwa oleh Ahmad bin Ismail akan muncul dari semasa ke semasa sebelum Imam Mahdi yang sebenar dengan yang pertama kalangan 12 orang tersebut ialah dirinya. Pada tahun 1995, beliau turut mendakwa bertemu dengan Imam Mahdi iaitu Muhammad ibn al-Hasan al-Askari dan mendapat perintah daripadanya untuk menggerakkan dakwah dan ajarannya. Justeru sejak 1999, Ahmad bin Ismail mula menyampaikan ajarannya dan kemudiannya berkembang pesat di Iraq (Pargoo 2019; Savior of Mankind n.d.; Almahdyoon n.d.).

Kumpulan Ansar al-Mahdi ini dipercayai mempunyai hubungan erat dengan kumpulan militan Jund al-Sama (Soldiers of Heaven) pimpinan Dia Abdul Zahra Kadim. Ansar al-Mahdi, Jund al-Sama dan pelbagai gerakan mahdisme lain di Iraq umumnya, adalah dalam lingkungan atau serpihan daripada Gerakan Sadr pimpinan Muqtada al-Sadr serta dikenali di Iraq sebagai gerakan yang ekstrem dan radikal. Pada 28 dan 29 Januari 2007, Jund al-Sama telah bertempur dengan pihak berkuasa Iraq (Iraqi Security Forces) di Zarqa, Najaf, Iraq. Pertempuran Najaf (Battle of Najaf) ini berlaku di ambang sambutan Asyura setelah sebelumnya pihak berkuasa mendapat risikan bahawa terdapat cubaan untuk membunuh ulama besar Syiah Iraq iaitu Ali al-Sistani dan pemimpin-pemimpin Syiah lain. Pertempuran ini mengakibatkan sekurang-kurangnya 13 polis dan tentera meninggal dunia, serta 30 cedera. Manakala sekurang-kurangnya 263 militan Jund al-Sama terbunuh dan sekurang-kurangnya 406 berjaya ditangkap yang kemudiannya didakwa serta dijatuhkan hukuman pada 2 September 2007 dengan 10 pemimpin dihukum bunuh termasuk Dia Abdul Zahra Kadim, 54 orang dilepaskan, dan bakinya dipenjarakan antara 15 tahun ke seumur hidup. Manakala, Ahmad bin Ismail yang dipercayai turut mendalangi pertempuran ini menghilangkan diri dan kedudukannya tidak dapat dikesan. Namun terdapat juga pendapat bahawa Dia Abdul Zahra Kadim dan Ahmad bin Ismail adalah individu yang sama (Hardy 2007; *The Age* 2007).

Pada 18 Januari 2008, kumpulan Jund al-Sama ini yang dipercayai didalangi oleh Ahmad bin Ismail telah bertempur sekali lagi dengan pihak polis di Basrah dan Nassiriyah, Iraq sehingga mengakibatkan kematian sekurang-kurangnya 15 orang. Sejak itu, kelibat Ahmad bin Ismail tidak pernah

kelihatan. Sebahagian mempercayai bahawa beliau telah meninggal dunia dalam pertempuran sama ada pada tahun 2007 atau 2008 tersebut. Sehingga ke hari ini, keberadaan dan hidup atau matinya Ahmad bin Ismail masih menjadi misteri (*Aljazeera* 2008a, 2008b; *BBC News* 2008; *Game* 2008; *Nayouf* 2008).

Abdullah Hashem mula mengenali Ahmad al-Hasan sekitar tahun 2000. Namun, sejak , Abdullah Hashem berpindah kembali ke Mesir pada tahun antara 2009 dan 2010, beliau mula mendalami ajaran Syiah umumnya secara lebih serius dan semakin menekuni ajaran Ahmad al-Hasan secara khusus. Ajaran-ajaran Ahmad al-Hasan menjadi rujukan terpenting dan pegangan utama Abdullah Hashem yang kemudiannya menjadi pegangan *The Ahmadi Religion of Peace and Light*. Walau bagaimanapun, hubungan antara Abdullah Hashem dan Ahmad bin Ismail adalah tidak dapat dipastikan dengan jelas. Walaupun Abdullah Hashem mendakwa adalah murid kepada Ahmad bin Ismail dan menerima serta menyampaikan ajarannya daripada semasa ke semasa, namun kebanyakan pengikut Ansar al-Mahdi tidak memperakunya dan mempertikaikan dakwaannya.

### **Daripada 'Hashemfilms' kepada 'the Black Banner of the East' dan Akhirnya 'The Ahmadi Religion of Peace and Light'**

Sejak menetap di Mesir, Abdullah Hashem melalui platform Hashemfilms giat memanggil rakan dan kenalannya untuk bersama dengannya dalam memahami dasar-dasar ajaran Ahmad bin Ismail. Kegiatan kumpulannya ini mula berkembang antara tahun 2011 hingga 2014. Daripada sebuah syarikat produksi, kumpulan ini berkembang sedikit demi sedikit menjadi sebuah kumpulan bersifat keagamaan. Pada 23 Januari 2015, Abdullah Hashem mendakwa bahawa Imam Mahdi yakni Muhammad ibn al-Hasan al-Askari telah bertemu dengan para penolongnya dan menyampaikan amanatnya. Daripada pertemuan tersebut, Abdullah Hashem mendakwa dirinya dilantik sebagai Imam Mahdi yang kedua dalam senarai 12 Imam Mahdi tersebut selepas Ahmad bin Ismail. Beliau menggelarkan dirinya sebagai *Sahib Misr* (the Companion of Egypt) dan *al-Qa'im* (the Riser) atau *Qa'im Ali Muhammad* (the Riser of the Family of Mohammed) sebagai merujuk kepada peranannya sebagai pembantu Imam Mahdi sebagaimana panggilan dalam hadith-hadith riwayat Syiah. Beliau mendakwa bahawa dirinya berserta para penolong Imam Mahdi yang lain termasuk Ahmad bin Ismail telah memberikan bai'ah kepada Imam Mahdi yang terakhir.

Sejak itu, berita bakal penubuhan suatu kumpulan ansar atau penolong Imam Mahdi diwarwarkan dengan meluas oleh para pengikut Abdullah Hashem. Sehubungan itu, Hashemfilms kemudiannya dibubarkan dan pada 13 June 2015, Abdullah Hashem bersama rakan-rakan dan pengikutnya menubuhkan Black Banners of the East sebagai suatu usaha serius bagi menjadi para penolong kepada Imam Mahdi dan bersedia menghadapi Akhir Zaman. Abdullah Hashem menjadikan ajaran-ajaran Ahmad bin Ismail sebagai pegangan utama bagi kumpulan yang diketuainya itu dan beliau memainkan peranan utama menyebarkan ajaran kumpulan ini dan mengembangkannya ke serata dunia (*The Black Banners* n.d.).

Berpusat di Mesir, kumpulan ini kemudiannya berkembang dengan cepat ke seluruh dunia. Ia mula membuka cawangan di Jerman sejak 2015, di Sweden dan United Kingdom sejak 2018. Dari Mesir, Abdullah Hashem dan sekaligus ibu pejabat kumpulan ini kemudiannya berpindah ke Jerman pada 3 April 2017 dan kemudiannya sekali lagi berpindah ke Sweden pada tahun 2018. Sekitar tahun yang sama, kumpulan ini kemudiannya bertukar nama kepada *The Ahmadi Religion of Peace and Light (AROPL)*. Nisbah 'Ahmadi' adalah merujuk kepada Ahmad al-Hasan al-Yamani. Kumpulan ini yang terdiri daripada Abdullah Hashem dan para pengikutnya kemudiannya berpindah ke United Kingdom sejak tahun 2021 sehingga ke hari ini. Cawangan-cawangan kumpulan ini termasuk di Mesir, Jerman, Perancis, Sweden, dan di negara-negara lain terus berkembang menerusi wakil-wakil kumpulan ini (*Swärdhagen* 2019; *Kristoffersson* 2019).

Di United Kingdom, kumpulan ini pada mulanya yang berpusat di London dan mendaftar sebagai sebuah syarikat sendirian berhad pada 27 September 2018 sebagai organisasi program televisyen dengan nama *Osiris Dreams Ltd.* dengan Abdullah Hashem sebagai pengarahnya. Namun ia kemudiannya dibubarkan pada 24 Ogos 2021. Kumpulan ini kemudiannya mendaftar

pada 21 Jun 2021 sebagai organisasi yang menjalankan kegiatan agama berstatus syarikat sendirian berhad dengan nama *The Ahmadi Religion of Peace and Light*. Seramai enam orang didaftarkan sebagai pengarah syarikat ini termasuk Abdullah Hashem. Di samping itu, kumpulan ini turut mendaftarkan satu lagi organisasi kegiatan keagamaan bernama *The Seventh Covenant Ltd.* pada 10 Januari 2023 di samping cabang penerbitannya dengan nama *Seventh Covenant Publishing Ltd.* pada 5 Januari 2023. Abdullah Hashem berperanan sebagai pengarah keduanya (Companies House n.d.)

Pada September 2022, *The Ahmadi Religion of Peace and Light* memindahkan ibu pejabat mereka ke Chesire yang terletak di barat laut England. Namun, keberadaan mereka yang bersifat kultus di Chesire sedikit menggusarkan penduduk setempat. Pada Mei 2023, kumpulan ini pernah memohon kepada Chesire East Council untuk membina pagar setinggi 2 meter menutupi kawasannya, namun ia mendapat bantahan oleh penduduk setempat. Sehubungan itu, rancangan ini dibatalkan oleh kumpulan ini pada 22 Jun 2023 (Parker 2023; Chesire East Council 2023). Walau bagaimanapun, sejak berpusat di United Kingdom, perkembangan kumpulan ini semakin pesat di seluruh dunia. *The Ahmadi Religion of Peace and Light* kini mempunyai pengikut di pelbagai negara termasuk Turkey, Algeria, Iran, Azerbaijan, Thailand, dan Malaysia.

Sepanjang perkembangan kumpulan pimpinan Abdullah Hashem ini, terdapat banyak kes dan kontroversi dilaporkan di pelbagai negara. Antaranya ialah kehilangan seorang wanita Jerman bernama Lisa Wiese yang merupakan bekas pengikut kumpulan *The Ahmadi Religion of Peace and Light* dan bekas isteri kepada Abdelrahman Hashem, adik kepada Abdullah Hashim dilaporkan hilang di Kerala, India sejak 10 Mac 2019. Kehilangannya didakwa mempunyai kaitan dengan keinginannya yang ingin keluar daripada kumpulan ini (Onmanorama 2019; Nanjappa 2019; *India Today* 2019).

Di Algeria pula, pada 5 Jun 2022, seramai 24 orang pengikut kumpulan *The Ahmadi Religion of Peace and Light* ditahan dan 18 daripadanya didakwa di mahkamah pada keesokan harinya atas tuduhan terlibat dalam pertubuhan haram dan menghina Islam (Amnesty International 2022). Hal yang sama turut berlaku di Iran apabila seramai 15 pengikut kumpulan ini ditahan pada 15 Disember 2022 oleh pihak berkuasa Kerajaan Iran dan ditempatkan di Penjara Evin, Tehran dan kemudiannya didakwa di Mahkamah Khas Ulama atau *Special Clerical Court* (Human Rights Without Frontiers 2023).

Sementara itu pada bulan April 2023 di Sweden, markas kumpulan ini di Hällefors, diserbu oleh pihak berkuasa termasuk polis dan agensi migrasi setelah kewujudan kumpulan ini sejak tahun 2018 dicurigai sebagai kumpulan ajaran sesat yang mewujudkan beberapa syarikat untuk mengumpul dana secara haram dan mengambil pekerja dari luar negara untuk tujuan migrasi dan perekrutan. Setelah serbuan tersebut, 69 pengikut kumpulan ini kemudiannya diusir keluar daripada Sweden (*Samnytt* 2023; Ericson 2023a, 2023b).

Kumpulan ini dilihat semakin keras apabila pada 24 Mei 2023, seramai 104 orang pengikut kumpulan ini ditahan di sempadan Turki-Bulgaria oleh pihak berkuasa Turki dalam perjalanan mereka merentasi sempadan ke Bulgaria untuk memohon suaka. Pertempuran fizikal berlaku sehingga menyebabkan beberapa kecederaan (Sanders 2023; *Mirage News* 2023, *Eureporter* 2023). Pada 29 Julai 2023, seramai lapan pengikut kumpulan ini ditahan di hadapan pusat beli belah Sogo, Kuala Lumpur kerana melakukan perhimpunan menyokong LGBT di samping salah seorang daripadanya turut pernah ditahan dalam bulan yang sama di sebuah masjid di Putrajaya kerana mengedarkan risalah mengenai kepercayaan mereka. Mereka ditahan selama sehari bagi siasatan mengikut Seksyen 186 Kanun Keseksaan, Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 dan Seksyen 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 (Mohd Haris Fadli 2023; Nurul Hidayah 2023; *Harian Metro* 2023).

### **Abdullah Hashem al-Qa'im Pembawa Syariat Baru dan Cita-Cita Politiknya**

Ajaran Abdullah Hashem banyak termuat dalam buku tulisannya berjudul *The Goal of The Wise: The Gospel of the Riser of the Family of Mohammed* merupakan bahan bacaan dan rujukan terpenting bagi kumpulan *The Ahmadi Religion of Peace and Light*. Karya Abdullah Hashem (2022) ini mengandungi ajaran-ajaran beliau yang menjadi dasar utama pegangan kumpulan

yang ditubuh dan dipimpinnya. Bahan penerbitan ini dalam bentuk digital boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi kumpulan ini (<https://theahmadireligion.org>).

Buku setebal lebih 600 halaman tersebut mengandungi 42 bab yang menghimpunkan perbincangan yang didakwa berlaku antara Imam Mahdi, Ahmad bin Ismail, Abdullah Hashem, dan para pengikutnya. Umumnya, ia adalah ungkapan penulis sendiri yakni Abdullah Hashem yang dikatakan meriwayatkan dialognya bersama Ahmad bin Ismail di samping pelbagai rujukan dan kutipan dengan kebanyakannya daripada kitab-kitab Syiah serta agama-agama lain khususnya Kristian dan Yahudi. Buku ini bermula dengan perbincangan secara sejarah yang disusun secara kronologi berdasarkan sejarah kehidupan manusia melalui pengutusan para rasul dan syariat yang diturunkan yang merupakan perjanjian ikatan antara Tuhan dan manusia, bermula dari Nabi Adam, Nuh, Ibrahim, Musa, 'Isa, Muhammad dan akhirnya Ahmad al-Hasan al-Yamani pada Akhir Zaman. Perbincangan kemudiannya disusuli dengan isu-isu seperti alam, ruh, penyaliban Nabi 'Isa, nafsu, malaikat, jin kematian, syurga dan neraka, kejahatan, karma, mimpi, khayalan dan imaginasi, makhluk asing, wahyu, akhlak, kerosakan al-Quran, kedatangan Nabi 'Isa pada Akhir Zaman, Dajjal, al-Yamani pembantu Imam Mahdi, Imam Mahdi, dan pelbagai lagi.

Abdullah Hashem yang memanggil dirinya dengan nama timangan '*Aba al-Sadiq*' banyak mengambil pandangan Syiah untuk dimuatkan dalam *The Goal of The Wise*. Pengaruh Syiah khususnya melalui pengaruh Ahmad bin Ismail adalah jelas kelihatan dalam karyanya ini yang juga mencitrakan pemikiran Abdullah Hashem sekaligus pegangan kumpulan *The Ahmadi Religion of Peace and Light*. Antara ajaran Syiah yang terkandung dalam buku ini ialah penghormatan berlebihan terhadap Ahlul Bait, kepercayaan terhadap 12 Imam dan bahawa Imam Mahdi ialah Muhammad bin al-Hasan al-'Askari (Abdullah Hashem 2022: 91-94, 482). Abdullah Hashem menjadikan kitab-kitab terpenting Syiah sebagai rujukan utama bagi penulisan buku ini. Ini termasuklah *Bihar al-Anwar* oleh Muhammad Baqir al-Majlisi (1983), *Kitab al-Kafi* oleh Muhammad bin Ya'qub al-Kulayni (2007), *Kitab al-Ghayba* oleh Muhammad bin Ibrahim al-Nu'mani (2011), *Tafsir al-Qummi* oleh 'Ali al-Qummi (1404H), *Ghaybat al-Tusi* oleh Shaykh Tusi (n.d.), dan banyak lagi.

Kesesatan ajaran Syiah yang taksab kepada Saidina 'Ali diperakui dengan jelas oleh para ulama Ahli Sunah Wal Jamaah. Ini termasuk oleh Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari (1955: 133-136; 1990: 65-166; n.d.: 71-74), Imam 'Abd al-Qahir al-Baghdadi (1988: 41-71; 2002: 310-311), al-Hafiz Abu Nu'aym al-Isfahani (1987), Imam al-Juwayni (2009: 315-333), Imam al-Ghazali (2003: 172-174), Imam al-Shahrastani (1992, 1: 144-208), dan Imam Fakhr al-Din al-Razi (1982: 52-63). Antara ajaran Syiah yang terkenal ialah dakwaan golongan Syiah Imamiyah atau Imam Dua Belas bahawa Muhammad bin al-Hasan al-'Askari (879-948M) ialah Imam Mahdi yang kini sedang bersembunyi sebelum keluar pada Akhir Zaman (al-Mufid 1995, Vol. 2: 339-388; al-Kulayni 2007, Vol. 1: 329-343; al-Majlisi 1983, Vol.1: 51-53). Dakwaan ini ditolak oleh seluruh ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah termasuk al-Hafiz Abu Nu'aym al-Isfahani (1987: 66-78, 116-121), Imam 'Abd al-Qahir al-Baghdadi (1988: 56-60), Imam al-Shahrastani (1992, Vol. 1: 163-166), dan Imam Fakhr al-Din al-Razi (1982: 55).

Walaupun kumpulan ini dari sudut pegangannya adalah berasaskan ajaran Syiah, namun para ulama Syiah masa kini umumnya melihat pegangan kumpulan *The Ahmadi Religion of Peace and Light* ini sebagai menyeleweng daripada Syiah itu sendiri. Antaranya ialah merujuk kepada penolakan mereka terhadap konsep *wilayat al-faqih* dalam ajaran Syiah Imamiyah yang memberikan justifikasi kepada tokoh agama untuk memimpin sehingga kedatangan al-Mahdi, serta pelbagai ajaran lain yang bertentangan dengan Syiah. Dalam erti kata lain, Abdullah Hashem mengubahsuai dan menyelaraskan ajaran-ajaran Syiah bagi menyokong dakwaannya bahawa beliau adalah al-Qa'im yang menjadi penolong kepada Imam Mahdi.

Konsep al-Qa'im ialah teras utama ajaran Abdullah Hashem dan kumpulan *The Ahmadi Religion of Peace and Light*. Ia bertindak sebagai etos yang berperanan mencerminkan kepemimpinan dan karisma Abdullah Hashem untuk menarik para pengikut. Melalui konsep ini, kumpulan ini menumpukan kepada usaha untuk bersedia menanti kemunculan Imam Mahdi dengan Ahmad al-Hasan sebagai penolong Mahdi pertama yang bersifat pemimpin *de facto* dan Abdullah Hashem sebagai penolong Mahdi kedua yang bersifat pemimpin *de jure* bagi kumpulan ini. Abdullah Hashem jelasnya adalah pemimpin sebenar kumpulan ini dengan hubungannya

dengan Ahmad bin Ismail diragui dan dipertikaikan terutama oleh pengikut asal Ahmad bin Ismail sendiri yang mempercayai bahawa beliau telah mati. Abdullah Hashem mengakui dirinya sebagai *al-Qa'im* atau *the Riser* yakni pembangkit yang akan memimpin para pengikut Mahdi dan menubuhkan sebuah negara yang akan dipimpin olehnya dengan keadilan dan berasaskan ajaran dan petunjuk Tuhan yang sebenar sebagai persediaan menerima kedatangan Imam Mahdi.

Abdullah Hashem (2022: 96) mengatakan bahawa Imam Mahdi yang sebagaimana dakwaan majoriti Syiah iaitu merujuk Muhammad ibn al-Hasan al-Askari mempunyai para Penolong atau Ansar terdiri daripada sebelas orang yang dianggap seolah-olah keturunannya secara maknawi atau rohani walaupun bukan secara fizikal. Sebelas orang ini dianggap mahdi-mahdi kecil menjadi wakil kepada Imam Mahdi dari satu generasi ke satu generasi sehingga Imam Mahdi keluar daripada persembunyiannya. Kesemua penolong Imam Mahdi dan Imam Mahdi membentuk dua belas orang Imam Mahdi. Daripada dua belas orang ini, ia bermula dengan Ahmad al-Hasan dan diikuti yang kedua Abdullah Hashem dan kemudiannya akan diikuti yang seterusnya pada masa akan datang. Sehubungan itu, Abdullah Hashem mendakwa bahawa dirinya ialah anak secara maknawi atau rohani kepada Ahmad bin Ismail dan bahawa Ahmad bin Ismail pula adalah anak secara maknawi atau rohani kepada Imam al-Mahdi iaitu Muhammad ibn al-Hasan al-Askari. Menurut kenyataan Abdullah Hashem (2022: 104-105), jalur keturunan para Mahdi adalah tidak secara biologi atau fizikal, justeru ia boleh bercampur dari pelbagai keturunan. Imam-Imam Mahdi di Akhir Zaman menurutnya adalah bersusur galur secara spiritual.

Ahmad bin Ismail atau yang digelar sebagai Ahmad al-Hasan al-Yamani berperanan sebagai utusan kepada Imam Mahdi dan akan membawa syariat baru dan terakhir yang menyempurnakan ajaran dan syariat para Nabi terdahulu. Justeru, syariat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad akan diubah oleh Ahmad al-Hasan sesuai dengan zaman semasa. Menurut Abdullah Hashem (2022: 96), Nabi Muhammad dianggap tidak membawa ajaran yang sempurna dan ia hanya akan menjadi sempurna semasa zaman munculnya dua belas Imam Mahdi yang bermula dengan Ahmad al-Hasan. Semua kehendak dan perintah Ahmad al-Hasan menurut Abdullah Hashem (2022: 247) adalah kehendak dan perintah Tuhan. Ahmad al-Hasan telah pun muncul di Iraq pada tahun 1999 dan mengisytiharkan dirinya sebagai Mahdi yang pertama bergelar al-Yamani bagi menyambut kedatangan Imam Mahdi yang sebenar (Abdullah Hashem 2022: 464)

Sementara Abdullah Hashem pula yang digelar sebagai '*Sahabat dari Mesir*' (*the Companion of Egypt*) yang berperanan sebagai *Pembangkit Keluarga Nabi* (*the Riser/Qaim of the Family of Mohammed*) dan akan menjadi pemimpin manusia bagi menyambut kedatangan Imam Mahdi. Justeru, Imam Ahmad al-Hasan dan Imam Muhammad al-Mahdi hanya bercakap kepada manusia melalui perantaraan al-Qa'im yakni Abdullah Hashem (2022: 510). Abdullah Hashem (2022: 135) membandingkan kedudukan dirinya sebagai al-Qa'im seumpama bapa Nabi iaitu Abdullah yang akan memunculkan Imam Mahdi di Akhir Zaman. Bahkan dengan besar diri, Abdullah Hashem (2022: 150) mengatakan bahawa para Nabi dan Imam bercita-cita untuk muncul bersama al-Qa'im bagi menubuhkan 'Kerajaan Tuhan' dan mengembalikan syurga di muka bumi. Kedudukannya sebagai al-Qa'im yang menjadi wakil Tuhan di muka bumi menurut Abdullah Hashem (2022: 287, 432) diperakui oleh Ahmad al-Hasan kerana bumi Amerika belum pernah diutuskan daripadanya seorang Nabi.

Konsep kemunculan *al-Yamani* dan *Qa'im Ali Muhammad* (*Pembangkit Keluarga Nabi Muhammad*) atau *al-Qa'im al-Mahdi* atau ringkasnya *al-Qa'im* sebelum kemunculan Imam al-Mahdi ialah suatu kepercayaan dalam ajaran Syiah. Menurut penjelasan ulama-ulama Syiah, al-Yamani dan al-Qa'im dikatakan akan muncul pada Akhir Zaman sebelum kemunculan Imam Mahdi sekaligus sebagai tanda kepada keluarnya Imam Mahdi. Keluarnya al-Qa'im adalah setelah keluarnya al-Yamani di samping al-Sufyani dan al-Khurasani. Antara mereka, al-Yamani dikatakan membawa ajaran yang benar dan akan diteruskan oleh al-Qa'im. Al-Qa'im didakwa akan mengajarkan perkara-perkara baru tentang agama dengan kitab baru, perintah baru, dan hukum baru sebagaimana Nabi Muhammad menyampaikan dakwahnya dan menghancurkan jahiliyyah dan beliau akan memperbetulkan kesesatan umat Islam sebelumnya dengan kebenaran. Al-Qa'im akan menerima tentangan daripada ramai umat Islam sebagaimana yang

diterima oleh Nabi Nuh. Al-Qa'im juga dikatakan akan menghancurkan Masjid al-Haram dan mengembalikan ke asasnya dan mengubahkannya ke tempat yang dahulunya yang sepatutnya. Al-Qa'im akan menghukum pengubah Ka'bah dan akan membunuh para munafik di Kufah dan menghancurkan masjid-masjidnya. Al-Qa'im turut dikatakan akan menghancurkan tempat-tempat orang mengajarkan al-Quran kerana apa yang tertulis bercanggah dengan al-Quran yang sebenar. Pengikut-pengikut al-Qa'im adalah bercirikan sifat para Nabi, Sahabat, dan tokoh-tokoh golongan beriman yang terdahulu. Al-Qa'im juga akan menjadi pemimpin sebuah negara sekitar 7 tahun atau 19 tahun dan akan memimpin dengan adil dan saksama dengan pelbagai kelebihan luar biasa yang ada padanya. Semua ini berlaku sebelum keluarnya al-Mahdi dan terjadinya Kiamat (al-Mufid 1995, Jil. 2: 368-387; al-Nu'mani 2011; al-Tusi n.d : 261-285; al-Majlisi 1983, Jil. 52 & 53).

Menurut Abdullah Hashem (2022: 113, 437), pada peringkat awal beliau akan menggunakan syariat Nabi Muhammad, namun kemudiannya akan digantikan dengan syariat Ahmad al-Hasan. Abdullah Hashem mengaitkan peranan dirinya sebagai al-Qa'im ialah penegak syariat Ahmad al-Hasan. Kerangka syariat baru yang dibawa oleh Ahmad al-Hasan dan ditegakkan oleh Abdullah Hashem itu menurutnya adalah disesuaikan dengan keperluan semasa dan juga dengan syariat-syariat terdahulu. Syariat Ahmad al-Hasan dijelaskan oleh Abdullah Hashem (2022: 105-110) sebagai bahkan berbentuk universal dengan menggunakan syariat yang bercampur dengan syariat-syariat para Nabi terdahulu serta bahkan dengan agama-agama lain dan pemikiran-pemikiran dari pelbagai peradaban dunia. Cita-cita ini dilihat oleh Abdullah Hashem (2022: 601) sebagai usaha menyatukan semua agama di dunia melalui syariat baru yang menghubungkan semua syariat sejak Nabi Adam AS sehingga ke hari ini.

Shah 'Abd al-'Aziz al-Dahlawi (1373H: 127) menerangkan bahawa menurut Ahlus Sunnah Wal Jamaah, adalah tidak harus bagi para imam yakni pemimpin Islam untuk menasakhkan atau menukarkan hukum-hukum syariah yang telah ada. Hal ini berbeza dengan ajaran Syiah yang menyeleweng yang melihat bahawa sebarang penasakhan syariat oleh para imam Syiah adalah harus berdasarkan riwayat-riwayat hadis rekaan mereka mengenai kemunculan al-Qa'im.

Imam Ibn Kathir (1999, Jil. 3: 127-131) menjelaskan bahawa al-Quran yang mengandungi syariat Nabi Muhammad SAW adalah amat dipercayai, menjadi bukti dan pemutus terhadap segala kitab yang terdahulu. Allah menjadikan kitab ini sangat agung dengan menjadikannya kitab terakhir yang diturunkan-Nya dan penutup semua kitab, di samping bahawa ia adalah yang paling sempurna dan paling mulia. Ia adalah kitab yang paling baik dengan menghimpunkan segala kebaikan kitab-kitab terdahulu dan menambah segala kesempurnaan yang tidak ada dalam kitab-kitab terdahulu. Dengan itu, ia menjadi bukti yang dipercayai dan pemutus kitab-kitab terdahulu.

Imam al-Zarkashi (1992, Vol. 5: 123) menerangkan bahawa kelebihan syariat Nabi Muhammad berbanding syariat terdahulu sehingga ia menjadi yang terbaik dan paling sempurna adalah kerana beberapa perkara termasuk: disandarkan kepada Rasul yang terbaik dan paling utama; disandarkan kepada kitab yang paling utama iaitu al-Quran; serta mengandungi segala kepentingan dan kebaikan kitab terdahulu serta menyempurnakan kitab terdahulu. Imam Mahdi atau Nabi Isa yang akan muncul pada akhir zaman tetap akan mengguna pakai syariat Nabi Muhammad. Jelasnya, percampuran syariat-syariat nabi terdahulu dengan agama Islam dan dengan agama-agama lain adalah suatu fahaman dan amalan yang menyelewengkan akidah dan syariat Islam. Apa yang didakwa oleh Abdullah Hashem adalah suatu penghinaan terhadap syariat Islam dan sekaligus penghinaan kepada para Nabi dan syariat yang diajarkan oleh mereka.

Idea kemunculan al-Yamani dan al-Qa'im dihubungkan oleh Abdullah Hashem (2022: 100) dengan utopia dan cita-cita politiknya bahawa pada suatu masa nanti beliau akan menjadi pemimpin sebuah negara yang bakal ditubuhkan yang dikatakan sebagai '*Divine Just State*' yakni sebuah negara yang adil dan dipandu oleh Tuhan. Justeru, syariat Ahmad al-Hasan yang menghimpunkan segala syariat dan pemikiran akan menyatukan manusia melalui Negara Adil dan Rabbani yang digambarkan sebagai penuh dengan kemakmuran dan kesejahteraan yang menurutnya gagal dilakukan oleh para Nabi terdahulu.

Abdullah Hashem (2022: 102) mengkhususkan lagi idea politiknya bahawa hakikat beragama ialah kepatuhan kepada pemimpin yang dilantik oleh Tuhan dan mewakili Tuhan di muka bumi. Justeru hubungan antara kepimpinan dan agama adalah tidak dapat dipisahkan kerana pemimpin ialah ketua politik dan rohani di dunia dan tiada sesiapa yang menyerupai seperti itu kecuali para Mahdi. Oleh kerana ia bukan berasaskan keturunan, tetapi secara kerohanian, maka sesiapa sahaja boleh bersama-sama dihubungkan dengan jalur ini dengan menyucikan diri dan menyerah diri kepada pemimpin yang dilantik oleh Tuhan itu.

Justeru pemimpin yang akan memimpin manusia tersebut ialah dirinya sendiri yang adalah al-Qa'im yang dilantik oleh Tuhan. Al-Qa'im yakni Abdullah Hashem (2022: 437, 452) akan memimpin seperti Nabi Adam yang memerintah seumur hidup tanpa sebarang pilihanraya kerana ia dilantik oleh Tuhan dan hanya Tuhan boleh menyingkirkannya. Beliau akan menghakimi seperti Nabi Daud dan Nabi Sulaiman dengan wahyu.

Abdullah Hashem (2022: 103-105) memberikan suatu harapan bahawa pada suatu hari nanti beliau dan kumpulannya akan menguasai suatu negara demi melaksanakan '*Divine Just State*' tersebut yang akan menjamin kesaksamaan dan kepelbagaian agama dengan setiap agama akan berpeluang menggunakan hukum dan undang-undang masing-masing. Idea penubuhan sebuah negara ini dinyatakan dengan tegas oleh Abdullah Hashem (2022: 595, 601) sebagai ajaran terpentingnya bagi menguatkuasakan undang-undang Tuhan dan menghapuskan kejahatan dan kezaliman. Abdullah Hashem (2022: 452) sebagai al-Qa'im yang menghimpunkan rohani para nabi dan rasul akan menubuhkan suatu negara untuk para pengikutnya mengikut undang-undang Tuhan

Sikap defensif turut ditunjukkan oleh Abdullah Hashem (2022: 110-111, 275) dengan mendakwa ajarannya bakal ditentang dan dimusuhi. Para ulama yang didakwanya menyelewengkan ajaran para nabi akan menghalang beliau untuk menyatukan umat manusia. Para ulama tersebut yang terdiri daripada mazhab Sunni dan Syiah akan menuduhnya dengan pelbagai tuduhan dan mengisytiharkannya sebagai murtad serta cuba membunuhnya dan para pengikutnya. Walaupun mendakwa bahawa bahkan segelintir pengikutnya sendiri juga akan mengkhianatinya, namun beliau akan mendapat ramai pengikut. Para ulama yang menentang ajaran Ahmad al-Hasan menurut Abdullah Hashem (2022: 469-470) ialah musuh kepada Imam Mahdi dan sekalian nabi dan rasul. Mereka lah yang akan menjadi musuh utamanya sebagaimana berlaku kepada Ahmad al-Hasan walaupun beliau hanya mengajak secara damai. Menurut Abdullah Hashem, ulama adalah masalah utama dalam dunia pada hari ini yang hanya menjadi alat kepada kerajaan dan pihak berkuasa yang zalim.

Abdullah Hashem juga melalui kenyataannya jelas menentang para ulama dan jumur umat Islam dengan mendakwa bahawa umat Islam pada hari ini telah sesat dan akan diperbetulkan olehnya sehingga ditentang oleh umat Islam. Abdullah Hashem dalam hal ini menjadikan penentangan para ulama dan umat Islam terhadapnya sebagai justifikasi kebenarannya.

Islam baharu yang dibawa oleh Abdullah Hashem (2022: 113, 437) menurutnya adalah suatu agama yang baharu yang berbeza dengan Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad dan diamalkan oleh masyarakat Muslim pada hari ini. Justeru, beliau melihat usahanya untuk menghapuskan kesesatan umat Islam dengan menghancurkan serta membasmi ajaran dan syiar termasuk masjid, makam, penggunaan kalendar hijrah, hijab wanita, dan sebagainya akan menerima tentangan daripada ramai umat Islam dan para ulama Islam kerana dilihat sebagai menghapuskan agama Islam. Menurut Abdullah Hashem (2022: 125, 578), simbol dan struktur baru yang disahkan benar oleh Tuhan akan menggantikan semua yang dimusnahkan. Ini termasuk juga tentang hukum halal dan haram yang menurutnya akan ditentukan oleh akal manusia sendiri dan tidak lagi oleh syariat.

Dengan justifikasi dirinya sebagai pemimpin yang dilantik oleh Tuhan yang pastinya akan adil dan saksama, maka setiap pengikutnya wajib memberikan wang dan harta kepadanya dan mengikuti arahnya. Sesiapa yang enggan memberikan kekayaan kepada al-Qa'im adalah bukan orang yang beriman dengan *Negara Adil Rabbani* dan dengan al-Qa'im. Justeru, mereka gagal memenuhi tanggungjawab yang ditetapkan oleh Tuhan untuk menyokong al-Qa'im bagi menubuhkan Negara Adil Rabbani yang merupakan keseluruhan erti agama. Di samping

memberikan seluruh harta, tanggungjawab lain ialah meninggalkan negara masing-masing dan berhijrah untuk bersama-sama al-Qa'im (Abdullah Hashem 2022: 453-454).

Abdullah Hashem menggunakan taktik licik dengan berselindung di sebalik Ahmad al-Hasan bagi menciptakan etos bayangan kepada tokoh suci yang misteri, suatu teknik yang lebih berdaya retorik daripada sekadar mengakui diri sendiri. Abdullah Hashem (2022: 598-600) mengakui dirinyalah al-Qa'im atau Pembangkit Keluarga Nabi SAW yang disebut dalam hadith-hadith riwayat Syiah yang akan mengembalikan keadilan di muka bumi pada Akhir Zaman dengan menghimpunkan 313 tentera Imam Mahdi sebelum kemunculannya bagi membina sebuah negara yang adil dan mendapat petunjuk Tuhan. Ini berlaku sebagai menuruti kepimpinan Ahmad al-Hasan yang mendahuluinya dan seterusnya membuka laluan kepada Abdullah Hashem.

Umumnya, ideologi Mahdiyyah atau Mahdisme sering menjadi asas utama kumpulan-kumpulan ajaran sesat. Kumpulan Ansar al-Mahdi yang menjadi asas penubuhan *The Ahmadi Religion of Peace and Light* dari sudut sejarahnya mempunyai hubungan erat dengan Gerakan Sadr (Sadrist Movement) di Iraq dan kumpulan-kumpulan lain yang mempunyai kaitan dengannya termasuk Jund al-Sama. Kumpulan-kumpulan berasaskan ideologi Mahdisme ini sering terlibat dalam aktiviti-aktiviti ekstremisme dan radikalisme yang mengugut keselamatan. Walaupun *The Ahmadi Religion of Peace and Light* dilihat menolak pendekatan keras Moqtada al-Sadr, namun ideologi dan semangat Mahdisme yang mendorong ekstremisme adalah sama. Bahkan Gerakan Sadr pimpinan Moqtada al-Sadr sendiri yang kemudiannya mengambil pendekatan menjadi parti politik tetap dilihat sebagai mewakili kelompok ekstrem di Iraq dan mengugut keselamatan awam apabila berlakunya krisis politik Iraq 2021-2022 selepas pilihanraya Iraq 2021 yang menyaksikan 53 terbunuh dan 1080 tercedera. Apatah lagi *The Ahmadi Religion of Peace and Light* mempunyai ideologi dan cita-cita politik untuk menubuhkan sebuah negara yang ditadbir dengan ajaran kumpulan ini dan dipimpin oleh Abdullah Hashem dan melihat golongan yang menentanginya sebagai musuh, syaitan, keturunan Iblis dan dajjal.

Secara rumusnya, Abdullah Hashem yakni pemimpin kumpulan *The Ahmadi Religion of Peace and Light* menjadikan ajaran Syiah tentang al-Qa'im sebagai pelan induk doktrin kumpulan ini dengan dirinya sebagai sosok yang dirujuk sebagai al-Qa'im tersebut dan Ahmad bin Ismail yang dirujuk sebagai al-Yamani. Kepercayaan terhadap kemunculan al-Yamani dan al-Qa'im sebelum kemunculan Imam Mahdi tidak pernah wujud dalam tradisi Islam menurut mazhab Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Hal ini merupakan suatu kepercayaan karut dan khurafat yang diada-adakan oleh golongan Syiah yang dipergunakan oleh Abdullah Hashem bagi memberikan legitimasi terhadap ajarannya agar dapat mengumpul seramai mungkin pengikut yang memberikan manfaat kepada dirinya. Apatah lagi dengan mencampur adukkan dengan syariat-syariat lama yang telah dimansuhkan serta ajaran-ajaran agama lain, Abdullah Hashem bukan sahaja menyimpang daripada ajaran Ahlus Sunnah Wal Jamaah, bahkan dengan menyelewengkan ajaran Syiah dan semua ajaran agama-agama lain.

Ajaran Abdullah Hashem melalui buku *The Goal of The Wise* mengandungi terlalu banyak perkara yang meragukan dan menyimpang daripada ajaran agama Islam. Ini termasuklah tentang ketuhanan, kisah-kisah para Nabi, tentang Malaikat, tentang al-Quran, Syurga, Neraka, dan perkara-perkara Akhirat, kedudukan Kaabah dan Mekah, ibadat solat, puasa, haji, pemakaian hijab bagi wanita, penikahan dan hubungan sejenis serta LGBT di samping tentang *raj'ah* atau reinkarnasi, arak dan dadah, serta tentang makhluk asing dan angkasa lepas. Umumnya ia dipenuhi dengan pendustaan, penyelewengan, dan penistaan terhadap ajaran agama Islam. Walau bagaimanapun, ia digubah dengan tersusun dan teliti agar menjadi suatu doktrin yang dapat menjadi pegangan para pengikut kumpulan tersebut.

Di samping penyelewengan terhadap ajaran Islam, buku pegangan *The Ahmadi Religion of Peace and Light* ini penuh dengan perkara-perkara tahayul dan khurafat yakni kepercayaan karut, khayalan, dan cerita-cerita dongeng atau rekaan khususnya terkait Imam Mahdi dan pertemuan Abdullah Hashem dengan Ahmad bin Ismail dan cerita-cerita dan isi yang terkandung dalam perbualan mereka berkisar ajaran agama dan Akhir Zaman. Abdullah Hashem dilihat mempergunakan konsep al-Qa'im yang wujud dalam ajaran Syiah sebagai dogma dan pelan utama bagi merealisasikan kewujudan suatu perkumpulan agama yang mengikutinya. Boleh

dirumuskan bahawa isi kandungan buku ini dari kulit ke kulit adalah penuh dengan kedustaan dan pembohongan yang disusun secara rapi dan terancang dengan tujuan semata-mata mendapatkan pengikut seramai mungkin. Apatah lagi konsep al-Qa'im secara ideologi adalah lebih berbahaya dan berpotensi mengancam ketenteraman awam kerana menurut hadith-hadith rekaan Syiah diramalkan akan mengajarkan ajaran yang berbeza dengan syariat Nabi Muhammad, menghapuskan apa yang didakwanya sebagai 'kesesatan' umat Islam pada masa kini, menghancurkan Ka'bah dan mengubah kedudukannya, juga menghancurkan Masjid al-Haram dan Masjid Nabawi serta kubur Nabi Muhammad, dan memperkenalkan al-Quran baru serta menghapuskan al-Qur'an yang dipegang oleh umat Islam pada hari ini.

### Acknowledgement

The author wishes to thank the Department of Islamic Development Malaysia for their support of this research.

### References

Al-Quran al-Karim.

Abdullah Hashem. 2007. The Antichrist Dajjal Series. [https://archive.org/details/the-antichrist-dajjal-series\\_202103](https://archive.org/details/the-antichrist-dajjal-series_202103) [Retrieved: 12 July 2023].

Abdullah Hashem. 2018. Brief info About Abdullah Hashem <https://www.deviantart.com/abdullahhashemplz/journal/Brief-info-About-Abdullah-Hashem-766891247> [Retrieved: 12 July 2023].

Abdullah Hashem. 2022. *The Goal of The Wise: The Gospel of the Riser of the Family of Mohammed*. n.p.: The Ahmadi Religion of Peace and Light.

Ahmed Alhasan English. n.d. <https://www.facebook.com/AhmedAlhasanEnglish.10313/> [Retrieved: 13 July 2023].

Ahmed Alhasan. n.d. <https://www.facebook.com/Ahmed.Alhasan.10313/> [Retrieved: 13 July 2023].

*Aljazeera*. 2008a. Clashes erupt in Iraq's south: Fighting breaks out in Basra and Nasiriya during Shia festival of Ashura. 19 January. <https://www.aljazeera.com/news/2008/1/19/clashes-erupt-in-iraqs-south> [Retrieved: 13 July 2023].

*Aljazeera*. 2008b. Many dead in southern Iraq clashes: Order reportedly restored in Basra and Nasiriya after gun battles with Shia group. 19 January. <https://www.aljazeera.com/news/2008/1/19/many-dead-in-southern-iraq-clashes> [Retrieved: 13 July 2023].

Amnesty International. 2022. Algeria: Drop all charges against members of a religious minority. 5 September. <https://www.amnesty.org/en/latest/news/2022/09/algeria-drop-all-charges-against-members-of-a-religious-minority/> [Retrieved: 14 July 2023].

al-Ash'ari, Abu al-Hasan. 1955. *Kitab al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida'*. Ed. by Hamudah Gharabah. Cairo: Matba'ah Misr.

al-Ash'ari, Abu al-Hasan 'Ali bin Isma'il. 1990. *Maqalat al-Islamiyyin*. Ed. by Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid. Vol. 1. Sayda, Lebanon: al-Maktabah al-'Asriyyah.

al-Ash'ari, Abu al-Hasan 'Ali bin Isma'il. n.d. *Al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*. Beirut: Dar Ibn Zaydun.

al-Baghdadi, Abu Mansur 'Abd al-Qahir bin Tahir. 1988. *Al-Farq bayn al-Firqah wa Bayan al-Firqah al-Najiyah Minhum*. Ed. by Muhammad 'Uthman al-Khusht. Cairo: Maktabah Ibn Sina.

al-Baghdadi, Abu Mansur 'Abd al-Qahir bin Tahir al-Tamimi. 2002. *Usul al-Din*. Ed. by Ahmad Shams al-Din. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

*BBC News*. 2008. Iraqi Shia pilgrims mark holy day. 19 January. [http://news.bbc.co.uk/2/hi/middle\\_east/7197473.stm](http://news.bbc.co.uk/2/hi/middle_east/7197473.stm) [Retrieved: 13 July 2023].

The Black Banners. n.d. YouTube. <https://www.youtube.com/@theblackbanners8702> [Retrieved: 13 July 2023].

- Cheshire East Council. 2023. Planning Application Details. <https://planning.cheshireeast.gov.uk/applicationdetails.aspx?pr=23/2024N&query=e947f09829c14305aea5276489144b25&start=&from=m> [Retrieved: 30 August 2023].
- Companies House. n.d. Osiris Dreams Ltd. <https://find-and-update.company-information.service.gov.uk/company/11592048> [Retrieved: 30 August 2023].
- Companies House. n.d. The Ahmadi Religion of Peace and Light. <https://find-and-update.company-information.service.gov.uk/company/13474449> [Retrieved: 30 August 2023].
- Companies House. n.d. Seventh Covenant Publishing Ltd. <https://find-and-update.company-information.service.gov.uk/company/14573601> [Retrieved: 30 August 2023].
- Companies House. n.d. The Seventh Covenant Ltd. <https://find-and-update.company-information.service.gov.uk/company/145820> [Retrieved: 30 August 2023].
- Culp, Brian. 2005. Mooresville filmmaker documents 'UFO cult'. Cult Education Institute. 10 August. <https://culteducation.com/group/1106-raelians/17551-mooresville-filmmaker-documents-ufo-cult.html> [Retrieved: 12 July 2023].
- al-Dahlawi, Shah 'Abd al-'Aziz bin Shah Waliyy Allah. 1373H. *Mukhtasar al-Tuhfat al-Ithna 'Ashariyyah*. Abridged by Sayyid Mahmud Shukri al-Alusi. Cairo: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Ericson, Andreas. 2023a. Polisen slog till mot religiös sekt. *Sveriges Radio*, 29 April. <https://sverigesradio.se/artikel/polisen-slog-till-mot-religios-sekt> [Retrieved: 14 July 2023].
- Ericson, Andreas. 2023b. Sektens upplägg – startade företag för att medlemmarna skulle få komma till Sverige. *Sveriges Radio*, 12 May. <https://sverigesradio.se/artikel/sektens-upplagg-startade-foretag-for-att-medlemmarna-skulle-fa-komma-till-sverige> [Retrieved: 14 July 2023].
- Eureporter*. 2023. Ahmadi Religion Files Lawsuit against Türkiye at European Court of Human Rights following violent pushback at Turkey border. 15 July. <https://www.eureporter.co/world/turkey/2023/07/15/ahmadi-religion-files-lawsuit-against-turkiye-at-european-court-of-hr-following-violent-pushback-at-turkey-border/> [Retrieved: 30 August 2023].
- Game, Kim. 2008. Troops clash with Shia cult in southern Iraq. *The Guardian*, 19 January. <https://www.theguardian.com/world/2008/jan/19/iraq.international> [Retrieved: 13 July 2023].
- al-Ghazali, Muhammad Abu Hamid. 2003. *Al-Iqtisad fi al-'Iqiqad*. Ed. by Insaf Ramadan. Damascus: Dar Qutaybah.
- Hardy, Roger. 2007. Confusion surrounds Najaf battle. *BBC News*, 31 January. [http://news.bbc.co.uk/2/hi/middle\\_east/6313433.stm](http://news.bbc.co.uk/2/hi/middle_east/6313433.stm) [Retrieved: 13 July 2023].
- Harian Metro*. 2023. Ketua naik pangkat punca pengikut sebar ajaran secara terbuka. 8 August. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/996951/ketua-naik-pangkat-punca-pengikut-sebar-ajaran-secara-terbuka> [Retrieved: 20 August 2023].
- Human Rights Without Frontiers. 2023. IRAN urged by HRWF to release 13 Ahmadis detained for 8 weeks. 10 February. <https://hrwf.eu/iran-human-rights-without-frontiers-urges-iran-to-release-13-ahmadis-detained-for-8-weeks/> [Retrieved: 14 July 2023].
- Ibn Kathir, Abu al-Fida Isma'il bin 'Umar. 1999. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Ed. by Sami bin Muhammad al-Salamah. Vol. 3. 2<sup>nd</sup> ed. Riyadh: Dar Tayyibah.
- Ibn Majah, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini. 2015. *Sunan Ibn Majah*. Sunt. Ra'id bin Sabri. 2<sup>nd</sup> ed. Riyadh: Dar al-Hadarah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- India Today*. 2019. German national missing in Kerala since March, Interpol says may have links with terror outfits. 10 July. <https://www.indiatoday.in/india/story/german-national-missing-in-kerala-since-march-interpol-says-may-have-links-with-terror-outfits-1566121-2019-07-10> [Retrieved: 30 July 2023].
- International Raelian Movement v. Hashem (2011) 08-687. [https://www.govinfo.gov/app/details/USCOURTS-caed-2\\_08-cv-00687/context](https://www.govinfo.gov/app/details/USCOURTS-caed-2_08-cv-00687/context) [Retrieved: 12 July 2023].

- Internet Movie Database (IMDB). 2008. The Arrivals. <https://www.imdb.com/title/tt14525688/> [Retrieved: 12 July 2023].
- al-Isfahani, Abu Nu'aym. 1987. *Kitab al-Imamah wa al-Radd 'ala al-Rafidah*. Ed. by 'Ali bin Muhammad al-Fuqayhi. Silsilah 'Aqid al-Salaf. Medina: Maktabah al-'Ulum wa al-Hukm.
- al-Juwayni, Imam al-Haramayn. 2009. *Kitab al-Irshad ila Qawati' al-Adillah fi Usul al-I'tiqad*. Cairo: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Kristoffersson, Simon. 2019. SR uppmärksammar "ny religion med fred i fokus" – undanhåller att det är en islamisk sekt. *Samnytt*, 16 October. <https://samnytt.se/sr-uppmarksammar-ny-religion-med-fred-i-fokus-undanhaller-att-det-ar-en-islamisk-sekt/> [Retrieved: 14 July 2023].
- al-Kulayni, Muhammad bin Ya'qub. 2007. *Al-Kafi*. Vol. 1-7. Beirut: Manshurat al-Fajr.
- Almahdyoon. n.d. <https://almahdyoon.com/main/#gsc.tab=0> [Retrieved: 13 July 2023].
- al-Majlisi, Muhammad Baqir. 1983. *Bihar al-Anwar al-Jami'ah li Durar Akhbar al-A'immah al-Athar*. Vol. 1-110. 3<sup>rd</sup> ed. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Mirage News*. 2023. UN Experts: Turkey Must Not Deport Ahmadi Religion of Peace and Light Asylum Seekers. 5 July. <https://www.miragenews.com/un-experts-turkey-must-not-deport-ahmadi-1040517/> [Retrieved: 14 August 2023].
- Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil. 2023. Ahmadi followers believe Kaabah is in Jordan. *New Straits Times*, 3 August. <https://www.nst.com.my/news/nation/2023/08/938316/ahmadi-followers-believe-kaabah-jordan> [Retrieved: 20 August 2023].
- al-Mufid, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Muhammad al-'Ukbari al-Baghdadi. 1995. *Al-Irshad fi Ma'rifat Hujaj Allah 'ala al-'Ibad*. Vol. 1-2. Beirut: Mu'assasat Ali Bayt Alayhim al-Salam li Ihya' al-Turath.
- Muslim, Abu al-Husayn bin al-Hajjaj al-Naysaburi. 2006. *Sahih Muslim*. Ed. by Abu al-Fadl al-Dimyati. Cairo: Dar al-Bayan al-'Arabi.
- Nanjappa, Vicky. 2019. Landed in Kerala, missing since then: The curious case of Lisa Wiese and Muhammad Ali. *One India*, 13 July. <https://www.oneindia.com/india/landed-in-kerala-missing-since-then-the-curious-case-of-lisa-weise-and-muhammad-ali-2918205.html> [Retrieved: 14 August 2023].
- Nayouf, Hayyan. 2008. Iraqi police expose doomsday cult chief: Claims to be an ambassador for the Mahdi. *Alarabiya News*, 4 February. <https://english.alarabiya.net/articles/2008%2F02%2F04%2F45160> [Retrieved: 13 July 2023].
- Noreagaaa & Achernahr. 2008. The Arrivals. In. Daily Quran <https://www.youtube.com/watch?v=L4rjHYsobaA> [Retrieved: 12 July 2023].
- al-Nu'mani, Ibn Abi Zaynab. 2011M/1432H. *Al-Ghaybah*. Beirut: Dar al-Jawadayn.
- Nurul Hidayah Bahaudin. 2023. Kertas siasatan pengikut Ahmadi dirujuk ke Pejabat Peguam Negara. *Harian Metro*, 5 August. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/995759/kertas-siasatan-pengikut-ahmadi-dirujuk-ke-pejabat-peguam-negara> [Retrieved: 30 August 2023].
- Onmanorama*. 2019. Missing German woman had links with radical Islamic outfits: Kerala police. 2 July. <https://www.onmanorama.com/news/kerala/2019/07/02/missing-german-woman-islamic-links.html> [Retrieved: 25 August 2023].
- Pargoo, Mahmoud. 2019. Who is Ahmad al-Hassan al-Yamani, and why do so many Shi'as think he is the promised messiah? *ABC*, 1 April. <https://www.abc.net.au/religion/meet-shia-islams-latest-claimant-of-messiah/10959614> [Retrieved: 14 July 2023].
- Parker, Ryan. 2023. Charity withdraws proposals to remove historic Crewe railings for two-metre high fence. *Crewe Nub News*, 21 June. <https://crewe.nub.news/news/local-news/charity-withdraws-proposals-to-remove-historic-crewe-railways-for-two-metre-high-fence-188951> [Retrieved: 30 July 2023].
- al-Qummi, Abu al-Hasan 'Ali bin Ibrahim. 1404H. *Tafsir al-Qummi*. Qom: Mu'assasah Dar al-Kitab.
- al-Razi, Fakhr al-Din. 1982. *I'tiqadat Firqah al-Muslimin wa al-Mushrikin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Sahifah al-Sirat al-Mustaqim. n.d. <https://www.nsr313.com/home/> [Retrieved: 20 July 2023].

- Samnytt*. 2023. 69 personer utvisas ur Sverige efter polisinsats mot muslimsk sekt. 30 April. <https://samnytt.se/69-personer-utvisas-ur-sverige-efter-polisinsats-mot-muslimsk-sekt/> [Retrieved: 20 July 2023].
- Sanders, Tom. 2023. Over 100 asylum seekers facing execution after being detained at Turkish border. *Metro*, 28 May. <https://metro.co.uk/2023/05/28/over-100-asylum-seekers-facing-execution-after-arrest-at-turkey-border-18858625/> [Retrieved: 20 July 2023].
- Savior of Mankind. n.d. <https://www.saviorofmankind.com/> [Retrieved: 14 July 2023].
- Savior TV. n.d. <https://www.saviortv.tv/> [Retrieved: 20 July 2023].
- Shah. 2008. About: Abdullah Hashem. <https://capilton.blogspot.com/2008/04/about-abdullah-hashem.html> [Retrieved: 12 July 2023].
- al-Shahrastani, Abu al-Fath Muhammad bin 'Abd al-Karim. 1992. *Al-Milal wa al-Nihal*. Ed. by Ahmad Fahmi Muhammad. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Swärdhagen, Anton. 2019. Ny religion med bas i Hällefors väcker reaktioner. *Sveriges Radio*, 15 October. <https://sverigesradio.se/artikel/ny-religion-med-bas-i-hallefors-vacker-reaktioner> [Retrieved: 20 July 2023].
- The Age*. 2007. US, Iraqi forces kill 250 militants in Najaf. 30 January. <https://www.theage.com.au/world/us-iraqi-forces-kill-250-militants-in-najaf-20070130-ge43he.html?page=2> [Retrieved: 13 July 2023].
- The Ahmadi Religion of Peace and Light. (website). <https://theahmadireligion.org/> [Retrieved: 14 July 2023].
- The Ahmadi Religion of Peace and Light. (facebook). <https://www.facebook.com/ahmadireligion> [Retrieved: 14 July 2023].
- The Ahmadi Religion of Peace and Light. (youtube channel). <https://www.youtube.com/@ahmadireligion> [Retrieved: 14 July 2023].
- The Ahmadi Religion of Peace and Light. n.d. Who is Aba Al-Sadiq (FHIP)?. <https://theahmadireligion.org/who-is-aba-al-sadiq-pbuh/> [Retrieved: 13 July 2023].
- al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa. 1978. *Al-Jami' al-Sahih wa Huwa Sunan al-Tirmidhi*. Ed. by Ahmad Muhammad Shakir. 2<sup>nd</sup> ed. Cairo: Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Tusi, Abu Ja'far Muhammad bin al-Hasan. n.d. *Kitab al-Ghaybah*. Beirut: Manshurat al-Fajr.
- al-Zarkashi, Badr al-Din Muhammad. 1992. *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. Vol. 5. Ed. by 'Abd al-Sattar Abu Ghuddah. 2<sup>nd</sup> ed. Cairo: Dar al-Safwah.